

25/09/1998

PM yakin Belanjawan 1999 baik

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin angka pertumbuhan ekonomi bagi Belanjawan 1999 yang akan dibentangkan bulan depan, akan bertambah baik berdasarkan petunjuk ekonomi masa kini.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan itu akan dapat dicatat berikutan tindakan drastik yang telah dan sedang dilaksanakan kerajaan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama, berkata kerajaan tidak mahu terlalu yakin, sebaliknya menetapkan unjuran yang konservatif.

"Kita berpendapat angka pertumbuhan ekonomi tahun depan mungkin lebih baik daripada jangkaan kita sekarang.

"Tetapi kita tidak hendak terlalu optimistik. Kita hendak supaya kita konservatif dalam unjuran kita.

"Kita yakin dengan tindakan yang kita ambil ini, keadaan ekonomi akan menjadi lebih baik daripada dulu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Kadar pertumbuhan bagi suku kedua tahun ini menguncup 6.8 peratus daripada 2.8 peratus pada suku pertama.

Dr Mahathir juga tidak menolak kemungkinan angka itu masih berada dalam tahap negatif, tetapi lebih baik daripada yang diunjurkan sebelum ini.

Mengenai kesan tindakan kerajaan dalam usaha pemulihan ekonomi negara, Dr Mahathir berkata, ia akan mengambil masa beberapa bulan sebelum perkara itu diketahui.

"Tetapi tanda-tanda awal sudah ada. Sebagai contoh, penjualan kereta sudah meningkat daripada 5,000 unit sebulan kepada 12,000 sebulan. Itu tanda yang baik.

"Begitu juga dengan rizab negara yang meningkat sebanyak AS\$90 juta (RM342 juta) bagi tiga minggu pertama bulan ini sejak kawalan mata wang diperkenalkan," katanya.

Ditanya berapa lama Malaysia akan menetapkan kadar tukaran ringgit pada RM3.80 pada satu dolar Amerika, Perdana Menteri berkata, ia akan dikekalkan seberapa lama yang boleh.

"Saya tidak boleh kata berapa lama tetapi kita akan berusaha mengekalkannya selama mungkin. Kita harus terus mengekalkan daya saing. Jika nilai mata wang lain semakin rendah dan mendatangkan kos kepada kita sebagai pengeluar, kita mungkin terpaksa mengurangkan nilai ringgit.

"Tetapi kita berusaha mengekalkan selama mungkin jadi lebih mudah bagi orang untuk merancang belanjawan perniagaan mereka tanpa bimbang mengenai ketidaktentuan nilai mata wang," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kawalan mata wang membolehkan Malaysia mengurangkan kadar faedah serta bayaran pendahuluan bagi sewa beli dan pada masa yang sama meningkatkan rizab negara.

"Jika boleh, kami tidak mahu mengadakan kawalan mata wang tetapi jika rejim kewangan antarabangsa tidak berubah, jika ia masih membenarkan orang merompak wang negara lain secara terang-terangan, kita memerlukan kaedah perlindungan seperti ini.

"Jadi, ia perlu mengubah apa yang dikatakan arkitektur sistem antarabangsa. Sesetengah orang juga menganggap mengenakan sedikit kawalan adalah baik," katanya.

Mengenai laporan Bank Dunia menangguk pemberian pinjaman kepada Malaysia berikutan tindakan mengawal mata wang, Dr Mahathir menjelaskan,

ini kerana Bank Dunia tidak pasti apa yang dikatakan kawalan mata wang.
(END)